



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 13 OGOS 2024 (SELASA)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• MBSJ MAHU SUBANG JAYA MERDEKA DENGGI
2.	THE STAR	• UNIFORM GUIDELINES FOR SELANGOR

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
2.	SINAR HARIAN	• MBSJ MAHU SUBANG JAYA MERDEKA DENGGI
3.	THE STAR	• UNIFORM GUIDELINES FOR SELANGOR • COMPLETION OF RM16.25MIL PUCHONG SPORTS COMPLEX PUSHED TO FEBRUARY

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	DBKL	• DBKL SITA, PINDAH HALANGAN PENIAGA DI SEGAMBUT DAN KEPONG • TIDAK SESUAI BERNIAGA TEPI JALAN
2.	THE STAR	MBPJ	• MBPJ INKS US\$10mil INVESTMENT DEAL WITH CHINA COUNTERPART

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• GREEN THUMBS GET BOOST FROM SELANGOR GRANTS • MACC TO HOST EVENT AGAINST FINANCIAL CRIMES • BOOST PROTECTIONS AND STAY VIGILANT
2.	SINAR HARIAN	• RASUAH RUGIKAN SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT • LEBIH 3,000 UNDANG-UNDANG LAPUK PERLU DIKAJI SEMULA – AZALINA • FIKIRKAN NASIB ALAM DI NEGARA KITA • TELITI GUBAL DASAR TEKNOLOGI KUANTUM
3.	HARIAN METRO	• BERITA BAIK UNTUK PENJAWAT AWAM JUMAAT INI • AGENDA KETUA SETIAUSAHA NEGARA BAHARU PERKUKUH TATAKELOLA • SYOR LESEN BAHARU BAGI BERUSIA 16 HINGGA 25 TAHUN • KEMENTERIAN DIGITAL GUBAL DASAR TEKNOLOGI KUANTUM
4.	KOSMO	• BERIAT AMAT BAIK MENANTI PENJAWAT AWAM JUMAAT INI – KSN • LEBIH 3,000 UNDANG-UNDANG DIDAPATI TIDAK LAGI RELEVAN DENGAN KEADAAN SEMASA • KERJASAMA PEMAIN INDUSTRI PERKUKUH EKOSISTEM DIGITAL
5.	BERITA HARIAN	• BERITA BAIK MENANTI KAKITANGAN KERAJAAN JUMAAT INI • PASTIKAN KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM BERDAYA TAHAN • KSN BAHARU MAHU PENJAWAT AWAM PERKASA TATAKELOLA • KERAJAAN RANGKA GUBAL DASAR TEKNOLOGI KUANTUM • LEBIH 3,000 UNDANG-UNDANG LAPUK PERLU DIKAJI SEMULA • PENJAWAT AWAM TIDAK SABAR TUNGGU JUMAAT
6.	UTUSAN MALAYSIA	• LEBIH 3,000 UNDANG-UNDANG LAPUK BAKAL DINILAI SEMULA • SELANGOR ANJUR KARNIVAL KERJAYA SEHINGGA AKHIR TAHUN INI
7.	NEW STRAITS TIMES	• GOOD NEWS FOR CIVIL SERVANTS ON FRIDAY • NEW WOMEN'S ACADEMY ON MINISTRY'S 2025 BUDGET WISH LIST

MBSJ mahu Subang Jaya merdeka denggi

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY [Follow](#)

12 Ogos 2024 12:25pm Masa membaca: 2 minit



Amirul Azizan (tujuh kanan) bersama peserta larian santai jiwa merdeka sejauh 4.5 kilometer

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengangkat tema Merdeka Denggi sempena Karnival Sihat Selangor Peringkat MBSJ 2024 untuk memberi kesedaran dan sikap ambil peduli dalam kalangan penduduk Subang Jaya.

Datuk Bandar Subang Jaya, Datuk Amirul Azizan Abd Rahim berkata, sepanjang tahun ini, pelbagai aktiviti kawalan dan pencegahan dijalankan MBSJ dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling.

Menurutnya, sebanyak 28 aktiviti pameran dan taklimat serta 20 aktiviti gotong-royong berkaitan kes demam denggi dijalankan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan pihak sekolah.

"Kerjasama daripada penduduk agak memuaskan namun masih memerlukan kerjasama lebih aktif bagi memastikan tanggungjawab untuk merdeka daripada demam denggi dipikul bersama," katanya pada Majlis Penutup Karnival Sihat Selangor Peringkat MBSJ di Subang Parade di sini.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 13 OGOS 2024



PRU

Sinar Daily

SinarPlus

Sinar Bestari

E-Paper

Langgan

Utama Terkini Berita Suara Sinar Sinar Islam Podcast Khas Video Berita Premium Untuk Anda



EDISI [Follow](#) > Selangor KL [Follow](#)

MBSJ mahu Subang Jaya merdeka denggi

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY [Follow](#)

12 Ogos 2024 12:25pm Masa membaca: 2 minit



Wheels of wellness antara program yang dijalankan sempena Karnival Sihat Selangor peringkat MBSJ

Mengikut statistik kes demam denggi bagi Minggu Epid ke-31 Tahun 2024 di Subang Jaya telah merekodkan sebanyak 6,092 kes denggi dengan 17 kawasan titik panas denggi.

Dalam pada itu, Amirul Azizan mengulas lanjut berkata, MBSJ turut mengambil inisiatif untuk menubuhkan skuad denggi peringkat MPP dan sekolah di kawasan MBSJ.

"Buat masa MPP Zon 4 adalah skuad denggi yang paling aktif membantu pihak MBSJ dalam mengawal dan mengekang kes demam denggi.

"Sekolah yang menyertai explorace denggi juga dilantik sebagai agen skuad denggi sekolah dan pihak Jabatan Kesihatan akan memberi bimbingan kepada pasukan ini untuk memastikan sekolah juga merdeka denggi," ujarnya.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 13 OGOS 2024

Uniform guidelines for Selangor

By SHEILA SRI PRIYA



Ng (third from left) talking to Puasa during the press conference. Also present are (from left) SGKV research officer Ismail Muhamad and Upen Local Authorities Section deputy director Mohd Sha'walludin Aziz. — KK SHAM/The Star

GUIDELINES on building plans, licensing and planning approval in four city councils are to be made uniform within a year under the Selangor Greater Klang Valley (SGKV) initiative.

This will enable the cities to have a competitive edge in becoming world class metropolises such as London and Tokyo, said Selangor local government and tourism committee chairman Datuk Ng Suet Lim.

He said the cumulative population of four cities – Petaling Jaya City Council (MBPJ), Subang Jaya City Council (MBSJ), Shah Alam City Council (MBSA) and Klang Royal City Council (MBDK) – was 3.8 million.

"Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari mentioned about the development of the SGKV in the state's 2024 budget.

"We want Selangor cities to be competitive as we aspire to become like Tokyo and London," he said in a press conference after chairing the Local Council Compliance and Uniformity meeting at Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah in Shah Alam, Selangor.

Also present were Selangor Greater Klang Valley Office chief Datuk Puasa Md Taib and representatives from the Selangor State Economic Planning Unit (Upen).

Ng said having uniform council guidelines was among the key element towards building competitive cities.

"Based on stakeholders' feedback, there is no uniformity in the guidelines among local councils in Selangor," he said.

"People say there were inconsistent waiting periods for approvals at different councils.

"The guidelines should be made simpler and be the same across all four city councils," he added.

The new guidelines, he said, would be planned based on engagement and ideas from upcoming focus groups with stakeholders, non-governmental organisations, public and media.

Once their effectiveness have been tested, they would be introduced to all other councils in Selangor, said Ng.

"The guidelines, to be planned in upcoming focus groups, will be designed to empower local councils."

Based on a Merdeka Centre survey, Selangor's local councils have recorded 67% satisfaction from the public, he said.

The state was eager to move forward and remain competitive especially since Selangor contributed 25.9% of the national gross domestic product (GDP), added Ng.

THE STAR ONLINE

TARIKH: 13 OGOS 2024

MBSJ mahu merdekakan Subang Jaya daripada denggi



Amirul Azizan (tujuh kanan) bersama peserta Karnival Sihat Selangor Peringkat MBSJ 2024 di Subang Jaya.

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengangkat tema Merdeka Denggi sempena Karnival Sihat Selangor Peringkat MBSJ 2024 bagi memberi kesedaran dan sikap ambil peduli dalam kalangan penduduk Subang Jaya.

Datuk Bandar Subang Jaya, Datuk Amirul Azizan Abd Rahim berkata, sepanjang tahun ini, pelbagai aktiviti kawalan dan pencegahan dijalankan MBSJ dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling.

Ujarnya, sebanyak 28 aktiviti pameran dan taklimat serta 20 aktiviti gotong-royong berkaitan

kes demam denggi dijalankan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan pihak sekolah.

"Kerjasama penduduk agak memuaskan namun masih memerlukan lebih banyak sokongan bagi memastikan tanggungjawab untuk merdeka daripada demam denggi dapat dipikul bersama," katanya pada Majlis Penutup Karnival Sihat Selangor Peringkat MBSJ di Subang Parade di sini.

Mengikut statistik kes demam denggi bagi Minggu Epid ke-31 Tahun 2024 di Subang Jaya merekodkan sebanyak 6,092 kes dan 17 kawasan titik panas.

Mengulas lanjut Amirul Azizan berkata, MBSJ turut mengambil inisiatif untuk menubuhkan skuad denggi peringkat MPP dan sekolah di kawasan MBSJ.

Buat masa ini jelasnya, MPP Zon 4 ialah skuad denggi yang paling aktif membantu pihak MBSJ dalam mengawal dan mengekang kes demam denggi.

"Sekolah yang menyertai penorokaan denggi dilantik sebagai agen skuad denggi sekolah."

"Jabatan Kesihatan akan memberi bimbingan kepada pasukan ini untuk memastikan sekolah juga merdeka denggi," ujarnya lagi.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.3.AUG.2024...

DBKL sita, pindah halangan peniaga di Segambut dan Kepong

1308 Sinar

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan tindakan sita dan pindah halangan terhadap dua peniaga dan lima premis perniagaan di sekitar Parlimen Segambut dan Kepong di sini.

Menurut DBKL, operasi tindakan khas itu dijalankan melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Segambut dan Kepong di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Dalam operasi ini, dua peniaga di Parlimen Segambut

dan lima lagi premis perniagaan di Parlimen Kepong telah diambil tindakan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Semua barang yang diambil tindakan pindah halangan telah dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi," menurut kenyataan itu di laman Facebook rasmi DBKL.

DBKL juga akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.



Operasi tindakan khas yang dijalankan oleh DBKL di kawasan Parlimen Segambut dan Parlimen Kepong.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.3..AUG..2024...

Tidak sesuai berniaga tepi jalan

13/8 Sinar

Peniaga perlu cari pendekatan baharu, henti jadikan tempat awam lokasi perniagaan

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LUMPUR

Peniaga di ibu kota di-nasihatkan mencari pendekatan baharu dan keluar dari zon selesa berbanding menjadikan tempat awam terutamanya tepi jalan dan siar kaki sebagai lokasi perniagaan.

Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Lai Chen Heng berkata, kepesatan pembangunan Kuala Lumpur yang dihuni lebih lapan juta penduduk tidak lagi membenarkan

perniagaan cara lama dijalankan kerana menyebabkan kacau ganggu selain mencacatkan pemandangan.

Oleh yang demikian, beliau menyokong tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan penguatkuasaan terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan permit niaga mahupun melanggar Akta Kerajaan Tempatan serta Akta Jalan, Parit dan Bangunan.

"Saya mengikut perkembangan tindakan Jabatan Penguatkuasa yang kebanyakannya fokus terhadap struktur haram dan peniaga tanpa lesen seperti di Masjid India dan Jalan Sultan.

"Saya pernah melihat peniaga memacak struktur di hadapan kedai orang tanpa segan silu. Ada juga yang memonopoli lorong belakang jalan untuk dijadikan gerai serta berniaga di bahu jalan dan padang rekreasi demi mengaut ke-



Chen Heng (kanan) ketika menyertai operasi penguatkuasaan dilakukan oleh DBKL di sekitar ibu kota, baru-baru ini.

untungan peribadi tanpa mengira faktor persekitaran," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, peniaga bermasalah ini kebanyakan mempunyai lesen tetapi tiada kelulusan tapak premis dan mereka memilih lokasi tapak niaga tidak sesuai sehingga mengganggu rumah kedai atau laluan lorong.

Selain itu katanya, ada juga

dalam kalangan peniaga berkenaan tidak mematuhi piawaian kebersihan apabila mendirikan struktur di tepi jalan yang mana sisa jualan dibuang terus ke dalam longkang.

"Saya pernah masuk ke dalam dapur satu warung yang mengambil lorong belakang jalan di Jalan Sultan. Amat jijik kerana mereka turut tempatkan sekali

pekerja warga asing tinggal dalam struktur bersaiz kandang.

"Ada juga antara mereka yang menggunakan nama orang atasan atau menteri tertentu sebagai surat sokongan untuk menjalankan perniagaan secara tidak sah," dakwanya.

Ujarnya, ramai beranggapan tindakan penguatkuasaan DBKL itu hanya menyasarkan peniaga tertentu sebaliknya ia dilakukan mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan berdasarkan prosedur ditetapkan.

Ujarnya, kerajaan kini telah melakukan banyak pembaharuan bagi membantu peniaga berniaga dengan selesa di lokasi bersesuaian.

"Salah satunya adalah program Lestari Niaga di peringkat DBKL selain pusat penjaja secara berperingkat dinaik taraf untuk memberi satu persekitaran perniagaan yang selesa.

"Begitu juga banyak program pemindahan dan pemutihan penjaja agar kelihatan lebih teratur," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh: 13 AUG 2024

Rasuah rugikan segenap lapisan masyarakat

RM277 bilion lesap akibat rasuah sepatutnya diguna untuk manfaat rakyat

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Amalan rasuah yang membarah dalam pelbagai peringkat dan sektor di negara ini tidak akan memberi keuntungan kepada mana-mana pihak.

Sebaliknya, tegas Penasihat Projek Rasuah Busters, Datuk Muhammad Nasir Hamzah, ia menyebabkan kerugian kepada segenap lapisan masyarakat.

"Kita rugi kerana kerugian yang direkodkan sebanyak RM277 bilion itu sepatutnya boleh digunakan untuk membangunkan hospital dan sekolah di mana manfaatnya dinikmati oleh rakyat," katanya ketika berucap di Majlis Ikrar Integriti Persatuan Kontraktor Perkhidmatan Pencucian Malaysia (MACC) di sini, pada Isnin.

Sebanyak 86 syarikat kontraktor memberi komitmen melafazkan ikrar integriti pada majlis itu yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.

Turut hadir Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Dari kiri: Noruddin, Mohd Sayuthi, Rostam Maidin dan Muhammad Nasir pada Majlis Ikrar Integriti MACC di Putrajaya, pada Isnin.

(SPRM), Rostam Maidin dan Presiden MACC, Noruddin Idris.

Sementara itu, Muhammad Nasir berkata, usaha membanteras gejala rasuah memerlukan komitmen semua pihak termasuk pendedahan di peringkat awal usia.

"Jika semua pihak berusaha untuk menolak rasuah dan salah guna kuasa, Malaysia boleh berdiri sebaris dengan Singapura dan Hong Kong."

"Disebabkan perilaku rasuah ini, yang

RASUAH BUSTERS

rugi adalah kita semua kerana terpaksa menanggung kos serta cukai yang tinggi," jelasnya.

Dalam sidang akhbar, Noruddin berkata, ikrar integriti pada majlis itu akan mengikat syarikat kontraktor perkhidmatan pencucian ke arah menjamin tahap perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Menurut beliau, ia sekali gus sebagai isyarat kepada industri perkhidmatan pencucian bahawa ahli mereka mempunyai etika dan integriti yang tinggi.

SINAR HARIAN

Tarikh: 13 AUG 2024

Lebih 3,000 undang-undang lapuk perlu dikaji semula - Azalina

PUTRAJAYA - Lebih 3,000 undang-undang lapuk perlu dikaji semula bagi memastikan ia kekal relevan dengan peredaran masa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, terdapat undang-undang di negara ini yang dirangka sebelum zaman kemerdekaan dan kini dilihat tidak lagi menepati keperluan masa kini.

"Contohnya dalam isu dunia digital, undang-undang yang ada sekarang ini mungkin tidak boleh lagi terpakai atau perlu dipinda agar sesuai dengan situasi yang ada," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) di sini pada Isnin.

Azalina berkata, pihaknya akan menyenaraikan lebih 3,000 undang-undang

yang dianggap lapuk untuk perhatian Perdana Menteri sebelum mengambil tindakan lanjut.

"Mungkin kita perlu senaraikan undang-undang (lapuk) ini dan mencadangkan penubuhan jawatankuasa Kabinet khas untuk menilai kerana undang-undang ini melibatkan semua agensi termasuk kerajaan negeri, kerajaan Pusat dan kerajaan tempatan," katanya.

Beliau berkata, kajian mengenai undang-undang lapuk itu perlu melibatkan

pelbagai pihak berkepentingan termasuk Jabatan Peguam Negara, badan kehakiman dan universiti yang mempunyai fakulti undang-undang dan kepakaran untuk menilai.

Media baru-baru ini melaporkan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul telah memanggil Ketua Setiausaha dan penasihat undang-undang setiap kementerian untuk melihat semula akta sedia ada yang mungkin tidak sesuai pada masa ini. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 13 AUG 2024



Fikirkan nasib alam di negara kita

1308 Sinar

APALAH nasib alam sekitar sekiranya aktiviti haram yang menyebabkan pelbagai pencemaran terus berleluasa.

Merak Jalanan ingin berkongsi apa yang kini melibatkan isu kilang haram yang memproses sampah elektronik atau e-waste.

Merak Jalanan difahamkan, kilang-kilang haram ini menyasarkan lokasi-lokasi terpencil seperti kawasan ladang kelapa sawit mahu pun di sebalik premis industri yang sah.

Sisa e-waste ini dipercayai diimport

dari luar negara.

Berdasarkan laporan *Sinar Harian* pada 26 Jun, Malaysia berdepan masalah lambakan e-waste seperti komputer, telefon bimbit dan televisyen yang semakin meningkat iaitu lebih 365,000 tan setahun.

Sangat membimbangkan apabila proses untuk aktiviti ini dilakukan tanpa mengikut spesifikasi ditetapkan agensi penguat kuasa berkaitan.

Sampahnya ditanam di ladang kelapa sawit dan sisa asid dibuang begitu sa-

haja di tanah.

Apa akan jadi dan kesannya di masa hadapan? Itu yang sebenarnya merunsingkan Merak Jalanan sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan serius.

Kita bimbang pencemaran seumpama ini boleh beri kesan buruk kepada nyawa manusia.

Merak Jalanan tabik dengan tindakan serius beberapa agensi seperti Polis Diraja Malaysia yang telah pun melaksanakan operasi khas menerusi Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan

Wang Haram dengan tindakan menegakan, sita dan sebagainya.

Jelas, tindakan ini perlu diambil secara menyeluruh agar tiada pihak yang kaut untung dan kesannya masyarakat perlu tanggung.

Merak Jalanan percaya, apabila isu ini terus disuarakan, maka pihak berwajib akan terus ambil tindakan tanpa tolak ansur.

Isu ini mungkin awalnya dilihat remeh, tapi bayangkan pengusaha atau pemilik kilang haram ini 'kenyang' kaut untung.

SINAR HARIAN

Tarikh: 13 AUG 2024

Teliti gubal dasar teknologi kuantum

13/8 Sinar

PETALING JAYA - Kementerian Digital berhasrat menggubal satu dasar berkaitan teknologi kuantum atau komputer kuantum untuk terus meningkatkan usaha memperkukuh perlindungan data peribadi.

Menterinya Gobind Singh Deo berkata, kementerian akan meneliti aspek data secara menyeluruh untuk meningkatkan daya tahan infrastruktur siber, sekali gus mempersiapkan Malaysia bagi mendepani teknologi baharu berkenaan.

"Kita akan mengetengahkan sesuatu, diharapkan menjelang akhir tahun ini...perkara itu sedang diusahakan," katanya pada sidang media di sini, pada Isnin.

Terdahulu beliau menyaksikan pemeteraian dua memorandum persefahaman (MoU) antara Axiata Group Bhd, CyberSecurity Malaysia dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) membabitkan kerjasama dalam keselamatan siber.

Bernama menerusi laporannya pada minggu lepas menyatakan teknologi kuantum ini boleh melakukan penyulitan data dalam masa kurang daripada lima minit berbanding komputer biasa yang lazimnya mengambil masa bertahun, bakal menjadi

cabaran baharu kepada sektor pertahanan siber negara.

Walaupun teknologi itu berupaya mempercepatkan tempoh pengkomputeran, ia turut berpotensi menyahsulit data-data yang terkandung dalam aplikasi seperti WhatsApp dalam tempoh beberapa minit.

Menjelaskan selanjutnya, sejajar dengan peningkatan ancaman siber di peringkat nasional dan global, Gobind juga berharap agar Akta Keselamatan Siber yang diwartakan pada 26 Jun lepas, dapat dikuatkuasakan pada bulan ini.

Menurutnya, ini memandangkan akta itu penting bagi membolehkan negara meningkatkan kesediaan dan pertahanan keselamatan siber selain membina daya tahan infrastruktur siber.

"Bagi saya, pada akhirnya, apa yang penting adalah ini memaparkan isyarat jelas, bukan setakat di dalam negara dan serantau, tetapi di peringkat dunia bahawa kita amat serius mengenai keselamatan siber ini," katanya.



GOBIND SINGH

Beliau berkata bagi tempoh 2021 hingga April 2024, seramai 95,837 mangsa jenayah siber di Malaysia telah mengalami kerugian sebanyak RM3.18 bilion.

"Angka itu dipercayai lebih besar kerana ramai mangsa tidak tampil melaporkannya ke-

pada pihak berkuasa atas pelbagai alasan.

"Sehubungan itu, penting bagi negara ini untuk menjejaki jenayah siber yang mendatangkan kesan buruk serius bagi mengaut untung atau manfaat politik," katanya.

Dalam pada itu, MoU yang dimeterai pada Isnin menyaksikan Axiata Group Bhd, CyberSecurity Malaysia dan MDEC bersetuju menggalakkan transformasi digital, inovasi dalam keselamatan siber selai berkongsi sumber bagi mengenal pasti ancaman siber.

Pada masa sama, tiga pihak itu menjalin kerjasama dalam menggalakkan pembangunan kelaziman atau norma dan piawaian antarabangsa dalam keselamatan siber. - *Bernama*

SINAR HARIAN

Tarikh:13 AUG 2024..

Uniform guidelines for Selangor

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

Local authorities to adopt similar rules for council-related approvals

GUIDELINES on building plans, licensing and planning approval in four city councils are to be made uniform within a year under the Selangor Greater Klang Valley (SGKV) initiative.

This will enable the cities to have a competitive edge in becoming world class metropolises such as London and Tokyo, said Selangor local government and tourism committee chairman Datuk Ng Suee Lim.

He said the cumulative population of four cities – Petaling Jaya City Council (MBPJ), Subang Jaya City Council (MBSP), Shah Alam City Council (MBSA) and Klang City Council (MBDK) – was 3.8 million.

"Selangor Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari mentioned about the development of the SGKV in the state's 2024 budget.

"We want Selangor cities to be competitive as we aspire to become like Tokyo and London," he said in a press conference after chairing the Local Council Compliance and Uniformity meeting at Bangunan Sultan



Ng (third from left) talking to Puasa during the press conference. Also present are (from left) SGKV research officer Ismail Muhamad and Upen Local Authorities Section deputy director Mohd Sha'walludin Aziz.
— KK SHAM/The Star

Salahuddin Abdul Aziz Shah in Shah Alam, Selangor.

Also present were Selangor Greater Klang Valley Office chief Datuk Puasa Md Taib and repre-

sentatives from the Selangor State Economic Planning Unit (Upen).

Ng said having uniform council guidelines was among the key element towards building

competitive cities.

"Based on stakeholders' feedback, there is no uniformity in the guidelines among local councils in Selangor," he said.

"People say there were inconsistent waiting periods for approvals at different councils.

"The guidelines should be made simpler and be the same across all four city councils," he added.

The new guidelines, he said, would be planned based on engagement and ideas from upcoming focus groups with stakeholders, non-governmental organisations, public and media.

Once their effectiveness have been tested, they would be introduced to all other councils in Selangor, said Ng.

"The guidelines, to be planned in upcoming focus groups, will be designed to empower local councils."

Based on a Merdeka Centre survey, Selangor's local councils have recorded 67% satisfaction from the public, he said.

The state was eager to move forward and remain competitive especially since Selangor contributed 25.9% of the national gross domestic product (GDP), added Ng.

THE STAR

13 AUG 2024

Tarikh:.....

Completion of RM16.25mil Puchong sports complex pushed to February

Story and photo by
MEGAT SYAHAR
megatsyahr@thestar.com.my

THE completion of the Subang Jaya City Council (MBSJ) multipurpose sports complex project in Subang Jaya, Selangor is delayed until next February.

The RM16.25mil project, situated across the Wawasan Hill hiking trail entrance in Pusat Bandar Puchong, began on Oct 25, 2022 and was supposed to be ready by Aug 24.

MBSJ Zone 16 councillor Lee Jen Uyin, who oversees Pusat

Bandar Puchong, said the delay was due to unpredictable weather and uneven slope detected at the site.

"The contractor has requested for extension of time to address the uneven slope issue," she said.

In a statement, MBSJ said the completion date was now expected to be sometime in February.

The sports complex will feature three futsal courts, five badminton courts and a basketball court.

Additionally, the facility will also feature a FIFA-standard futsal court.

Seating capacity at the complex's stadium is for 1,018 people.

Outdoor facilities include a 270m-long jogging track, playground, parking lots and ancillary building.

There will also be separate prayer rooms for men and women, eight public restrooms, two changing rooms with attached restrooms, and dedicated spaces for referees and event officials.

The complex will also have an administrative office and rooms for VIP and media personnel.



Construction work is ongoing at MBSJ's multipurpose sports complex in Pusat Bandar Puchong.

THE STAR

Tarikh: 13 AUG 2024

MBPJ inks US\$10mil investment deal with China counterpart

ALMOST RM45mil has been secured in investment commitment with a memorandum of understanding (MOU) between Petaling Jaya City Council (MBPJ) and Yueqing Municipal People's Government of China.

The MOU was facilitated by Petaling Jaya MP Lee Chean Chung.

"This partnership has culminated in substantial outcomes, including a US\$10mil (RM44.2mil) investment and tangible projects that will benefit both cities economically and technologically.

"I look forward to seeing the positive impact of these initiatives in the near future," said Lee, who is also the Centre Of Regional Strategic Studies (Cross) chairman.

The MOU was signed by Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samingon and Yueqing Municipal Committee of the CPPCC, Zhejiang province chairman Chen Xiangdong.

The event was witnessed by Lee and Petaling Jaya deputy mayor Aznan Hassan.

During the ceremony, Mohamad Zahri said the MOU represented an agreement at the MBPJ level to continue cooperation and form a special task force comprising members from both parties to study the feasibility of



Mohamad Zahri (seated left) and Chen signing the MOU.

the proposed projects, financial implications and involved technologies.

"It will also discuss in more detail the structure and implementation mechanisms of the mutually agreed projects," he said.

Chen said Yueqing Municipal Committee and Government are promoting the integration of the electrical and new energy industries, accelerating the construction of a world-leading advanced manufacturing cluster.

"We sincerely hope both cities will use this MOU as an opportunity to strengthen friendly exchanges as well as economic and trade interactions," he said.

On March 24, 2023, MBPJ welcomed a delegation led by

Yueqing Municipal People's Government deputy mayor Ye Xufeng.

During the visit, both cities agreed to establish a collaborative partnership and a Letter of Intent (LOI) was signed.

The focus areas included investment, science and technology as well as economic and trade development.

Following this initial engagement, Lee facilitated a delegation of MBPJ officials and industry representatives to the 23rd China Electrical Equipment Cultural Festival & Yandangshan Digital Economy Summit from Nov 7-9, 2023, in Yueqing.

This visit further solidified the collaboration, leading to the signing of the MOU.

THE STAR

13 AUG 2024

Tarikh:.....

By MEGAT SYAHAR
megatsyahr@thestar.com.my

ALMOST 200 applicants were successful in the Selangor Environmental Small Grant Programme 2024, focusing on community gardens and rainwater harvesting systems.

Since the programme opened on June 1, it received 248 applications, out of which 192 were approved.

State public health and environment committee chairman Jamaliah Jamaluddin said the grant allocation was worth RM600,000.

It will be distributed through residents associations (RA), Rukun Tetangga (RT), Village Community Management Councils (MPKK), non-governmental organisations, religious institutions and educational institutions.

"The selection of these categories was the result of discussions between state government agencies," said Jamaliah during the grant handover ceremony at the State Secretariat in Shah Alam.

Community gardens, she said, will not only help urban farmers grow produce such as fruits and vegetables but also improve their physical and mental health.

"Additionally, community gardens can address issues related to overgrown vegetation on vacant land.

"Rainwater harvesting systems will also help conserve water by utilising what is collected for various purposes, reducing the need for tap water.

"For instance, rainwater can be used to flushing toilets or water plants."

Jamaliah said the rainwater

Green thumbs get boost from Selangor grants

RM600,000 distributed to 192 successful applicants for efforts in community gardens, rainwater harvesting systems



Jamaliah (back row, centre) with Selangor Environmental Small Grant Programme 2024 recipients in Shah Alam. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

harvesting system was especially useful for residents in landed properties.

Taman Mayang Jaya RA secre-

tary Tan Joo Koon received the grant in the RA category.

He said they have been awarded the grant three years

in a row since 2021.

He added that the Taman Mayang Jaya community garden in SS26, Petaling Jaya,

would cultivate a herb garden.

"With this grant, we plan to buy equipment to maintain the garden," he said.

THE STAR

13 AUG 2024

Tarikh:.....

MACC to host event against financial crimes

PETALING JAYA: In its continuous fight against financial crime, especially corruption and abuse of power, the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) will hold a programme involving multiple parties that include government agencies, statutory bodies, universities and professional organisations.

The "Strengthening Accounting and Auditing Practices" initiative will be launched by MACC chief commissioner Tan Sri Azam Baki at Royale Chulan Hotel in Kuala Lumpur tomorrow.

It will be participated by the National Audit Department (JANM), Accountant General's Department (ANM), Inland Revenue Board (LHDN), Universiti Teknologi MARA (UITM), Companies Commission of Malaysia (SSM), Malaysian Institute of Accountants (MIA), Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (Maicsa), and Multimedia University.

Mohd Azwan Ramli, director of MACC's Financial Analysis Division, which is hosting the programme, said it will feature an exchange of experiences and engagements aimed at fostering strategic cooperation through planned activities.

"All attendees will also share insights and expertise in identifying the best practices for accounting and auditing in Malaysia while addressing financial crime, particularly corruption and abuse of power.

"This programme indirectly supports the government's goal of implementing the National Anti-Corruption Strategy 2024-2028.

"(The strategy) focuses on the effectiveness of anti-corruption measures, improving governance and integrity in both the public and private sectors," he said in a statement yesterday.

THE STAR

Tarikh: 13 AUG 2024

Boost protections and stay vigilant

PETALING JAYA: While the Domestic Violence Act 1994 already addresses domestic violence, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad states that Putrajaya is working to enhance protections specifically for Intimate Partner Violence (IPV).

"Currently, the ministry's effort to tackle incidents of violence is limited to domestic violence through the enforcement of (the) Domestic Violence Act 1994 (amended in 2017) which provides protection to victims of domestic violence," the Women, Family and Community Development Deputy Minister told *The Star*.

"However, the government is strengthening our effort to expand the protection to also include protection for Intimate Partner Violence," she added.

Noraini explained that Section 507A of the Penal Code, which criminalises stalking, is part of these efforts.


She noted that the Anti-Stalking law, which has already been enforced, could help prevent stalking, which has the potential to escalate into violence.

"The Ministry of Women, Family and Community Development is deeply concerned about the new analysis from the World Health Organisation (WHO) published in the *Lancet Child & Adolescent Health* regarding IPV on adolescent girls," she said.

"In Malaysia, although the specific data on the adolescent category may not be available as in some other countries, the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2022 indicates that 7.1% of women of reproductive age

Intimate Partner Violence in Malaysia Love should not hurt

Nearly **500,000** women in Malaysia have experienced violence by their partners



(ages 15-49) in Malaysia have experienced some form of violence from their intimate partners in their lifetime.

"This includes emotional, physical, and sexual violence, as well as controlling behaviour of the partners," said Noraini.

According to the NHMS 2022 on Maternal and Child Health, nearly 500,000 women in Malaysia have experienced violence from their partners.

IPV refers to behaviour by an intimate partner or ex-partner which causes physical, sexual, or psychological harm, including physical aggression, sexual coercion, psychological abuse, and

controlling behaviour.

Noraini highlighted that partner violence can profoundly affect adolescents, harming their health, education, and future relationships.

"We urge everyone, especially parents, to report any instances of violence or seek assistance from the authorities if they notice their children are victims of such acts," she said.

The ministry has implemented various interventions to tackle this issue, she noted, with these efforts extending to all segments of society, including adolescent girls.

These include support services, counselling through the emer-

gency helpline "Talian Kasih 15999", and the establishment of a One-Stop Social Support Centre (PSSS), which allows victims and the public to enquire, file complaints, and access necessary information, advice, and counselling services.

The ministry has also implemented several other interventions, including psychosocial programmes and community engagements through the Waja Squad, skills and capacity development for authorities to improve service delivery to victims, and promotional activities to raise awareness about available services for victims.

The ministry, through the National Population and Family Development Board (LPPKN), has also implemented Sexual and Reproductive Health Education (SRHE) through its Pekerti Programme, which is guided by the National Policy and Plan of Action on Reproductive Health and Social Education 2022-2025.

"In 2017, specific SRHE Modules for Boys were developed to instil values of responsibility and mutual respect among male adolescents while addressing gender roles to counteract cultural beliefs that may contribute to gender-based violence," she said.

Noraini added that while the LPPKN currently lacks survey data on adolescent violence, the Sixth Malaysian Population and Family Survey (KPKM), set to conclude data collection by December this year, includes questionnaires addressing this issue.

These questions cover various aspects of adolescent physical, sexual and psychological violence.

THE STAR

13 AUG 2024

Tarikh:.....

Berita baik untuk penjawat awam Jumaat ini

Putrajaya: Berita baik menanti kira-kira 1.6 juta penjawat awam pada perhimpunan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19, Jumaat ini.

Perkara itu dimaklumkan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar berhubung penganjuran perhimpunan berkenaan.

12/8 Metro
Biar pun tidak mendedahkan intipati majlis amanat itu namun ia dipercayai berkaitan pelarasan gaji penjawat awam yang akan diumumkan serentak dengan pelancaran Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

"Tak boleh bocor rahsia, Insya-Allah berita baik untuk penjawat awam," katanya ketika ditemui sele-

pas mengimbas kad perakam waktu pada hari pertama memulakan tugas sebagai KSN di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

MAPPA ke-19 bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan Fahmi Fadzil sebelum ini memaklumkan penjawat awam dijangka menikmati kenaikan gaji melalui SSPA antara 15 hingga 42.7 peratus.

Perincian berkenaan mekanisme pelarasan gaji penjawat awam itu akan diumumkan Perdana Menteri pada hari penganjuran MAPPA.

HARIAN METRO
13 AUG 2024

Tarikh:



SHAMSUL Azri (tengah) mengaminkan bacaan doa selepas mengimbas kad perakam waktu untuk memulakan tugas beliau di Bangunan Perdana Putra.

AGENDA KETUA SETIAUSAHA NEGARA BAHARU

1318 Metro

Perkukuh tatakelola

Putrajaya

Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baharu Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar berkata tatakelola yang baik akan menjadi satu daripada agenda penting beliau dalam mentadbir urus sektor awam negara.

Beliau berkata visi itu bagi menyokong usaha Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memperkukuh tatakelola.

"Seperti yang ditekankan Perdana Menteri, tatakelola adalah amat penting, dan itu akan menjadi satu daripada agenda penting saya dalam mentadbir (pentadbiran awam)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas mengimbas kad perakam

waktu sebagai simbolik bermulanya tugas beliau sebagai KSN ke-16 di sini, semalam.

Ditanya antara intipati Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA), Shamsul Azri berkata berita yang bakal diumumkan akan menggembirakan seluruh penjawat awam.

"Tak boleh bocor rahsia, kena tunggu. Insya-Allah (akan) ada berita yang baik untuk semua penjawat

awam," katanya.

MAPPA ke-19 dijangka berlangsung Jumaat ini di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Shamsul Azri turut menyeru seluruh jentera perkhidmatan awam bekerjasama dengan beliau dalam membangunkan negara dan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Beliau berkata penjawat awam mesti taat setia kepada kerajaan dan menjadi

benteng kepada negara.

"Saya yakin dengan jentera kerajaan yang ada, kita dapat memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Saya juga yakin dengan kepimpinan Perdana Menteri, Malaysia akan bergerak ke arah yang lebih cemerlang," katanya.

Shamsul Azri yang merupakan bekas Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), dilantik sebagai KSN berkuasa kuasa semalam.

Beliau menggantikan Tan Sri Mohd Zuki Ali yang tamat kontrak perkhidmatan pada 10 Ogos lepas.

Shamsul Azri, 55, berpengalaman 30 tahun dalam perkhidmatan awam dan pernah bertugas di Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Seperti yang ditekankan oleh Perdana Menteri, tatakelola adalah amat penting, dan itu akan menjadi satu daripada agenda penting saya dalam mentadbir (pentadbiran awam)"

*Ketua Setiausaha Negara (KSN),
Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar*

HARIAN METRO
Tarikh:1..3..AUG...2024

Syor lesen baharu bagi berusia 16 hingga 25 tahun

Kuala Lumpur: Kerajaan dicadangkan memperkenankan kategori lesen baharu untuk penunggang motosikal berusia 16 hingga 25 tahun sebagai langkah mengurangkan nahas jalan raya.

Aktivis keselamatan jalan raya, Shahrin Tamrin berkata, kategori lesen baharu itu pernah diusulkan pelbagai pihak termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan dibincangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) pada 2021.

"Kategori pelesenan baharu bagi pemohon lesen motosikal untuk usia 16 hingga 25 tahun hanya dibenarkan menunggang motosikal berkapasiti kecil *combustion engine* (90cc ke bawah) seperti skuter atau kapcai 70cc atau hanya menunggang motosikal elektrik yang berkuasa rendah.

"Ini adalah mengikut amalan yang dilakukan di Jepun dan United Kingdom (UK) apabila penunggang motosikal go-

longan muda hanya layak tunggang motosikal dengan kelajuan maksimum adalah 90 kilometer sejam (KM/J)," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, kerajaan juga diminta tidak membenarkan pembelian motosikal oleh individu yang tiada lesen memandu bagi menunggang motosikal daripada 100cc sehingga 185cc dan juga 250cc serta 500cc ke atas.

"Sudah tiba masanya kerajaan menggubal undang-undang baru dengan tidak membenarkan mereka yang tiada lesen memandu untuk membeli motosikal *underbone* atau 'kapcai' dari 100cc sehingga 185cc.

"Amalan (membeli motosikal tanpa lesen memandu) ini sudah lama berlaku tanpa kawalan dan mengakibatkan ramai menunggang motosikal tanpa lesen kerana beranggapan sudah mahir mengendali motosikal," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh:1.3.AUG..2024

**PERKUKUH
PERLINDUNGAN
DATA PERIBADI**

**Kementerian
Digital
gubal dasar
teknologi
kuantum**

13/8 metro
Petaling Jaya: Kementerian Digital sedang merangka penggubalan dasar mengenai teknologi kuantum atau komputer kuantum untuk mengukuhkan lagi perlindungan data peribadi.

Menteri Digital, Gobind Singh Deo berkata, kementerian itu dijangka membentangkan hasil rangka dasar itu menjelang penghujung tahun ini.

"Kita sedang melihat bagaimana kita boleh memastikan ada perlindungan untuk data peribadi.

"Kita juga melihat untuk kita menambah baik struktur dan ini juga boleh disediakan untuk teknologi baharu yang bergerak ke hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) keselamatan siber dan meningkatkan ketahanan digital negara antara Axiata Group Berhad (Axiata) dengan CyberSecurity Malaysia (CSM) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) di Menara CelcomDigi di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Mahadhir Aziz; Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Axiata, Vivek Sood serta Ketua Pegawai Eksekutif CelcomDigi, Datuk Idham Nawawi.

Sebelum ini, media melaporkan, kerajaan merancang untuk memasukkan teknologi kuantum ke dalam dasar bertujuan melindungi keselamatan digital Malaysia untuk jangka masa panjang.

Teknologi kuantum yang mampu mengendalikan penyulitan data kurang lima minit berbanding menggunakan komputer biasa yang mengambil masa bertahun, akan menjadi cabaran baharu bagi sektor keselamatan siber negara.

HARIAN METRO
Tarikh: ...1..3..AUG..2024..

Berita amat baik menanti penjawat awam Jumaat ini – KSN



SHAMSUL AZRI (kiri) mengimbas kad perakam waktu (clock-in) sebagai simbolik memulakan tugas secara rasmi di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam. – FARIZ RUSADIO

PUTRAJAYA – Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) Jumaat ini dilihat akan memberi khabar amat baik kepada lebih 1.6 juta penjawat awam di negara ini.

Memberi bayangan itu, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, bagaimanapun, perkara itu tidak dapat dijelaskan secara lanjut, namun ada berita amat baik menanti.

“Tidak boleh bocor rahsia, insya-Allah, ada berita baik untuk penjawat awam,” katanya kepada pemberita selepas sesi clock-in di Bangunan Perdana Putra di sini semalam.

Terdahulu, Shamsul Azri mengimbas kad perakam waktu pada pukul 8.54 pagi sebagai simbolik clock-in memulakan tugas sebagai KSN yang ke-16.

Pada Jun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan perincian kadar baharu kenaikan gaji bagi penjawat awam akan diumumkan sebelum pembentangan Belanjawan 2025 yang dijadual Oktober depan.

Pada 1 Mei lepas, beliau mengumumkan pelarasan gaji penjawat awam, menyaksikan kenaikan melebihi 13 peratus dan ini tertinggi pernah dicatatkan dalam sejarah negara.

Minggu lalu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, penjawat awam dalam kalangan kumpulan pelaksana dijangka menikmati kenaikan gaji melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sehingga 42.7 peratus.

Kali terakhir kadar baharu kenaikan gaji penjawat awam diumumkan adalah sekitar 13 peratus pada 2013.

KOSMO

Tarikh: 13 AUG 2024

Lebih 3,000 undang-undang didapati tidak lagi relevan dengan keadaan semasa

Undang-undang lapuk dikaji semula

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA – Kerajaan berse-
dia melakukan penilaian semula
terhadap lebih 3,000 undang-un-
dang lapuk yang didapati sudah
tidak lagi relevan dengan keada-
an semasa.

Menteri di Jabatan Perdana
Menteri (Undang-Undang dan
Reformasi Institusi), Datuk Seri
Azalina Othman Said berkata, su-
sulan itu, beliau akan membawa
isu itu kepada Kabinet pada
minggu depan.

"Saya belum lagi bentang
dalam mesyuarat Jemaah Men-
teri, insya-Allah dalam minggu

depan perkara tersebut akan
diketengahkan.

"Setelah dibentang kepada
Kabinet dalam masa terdekat,
saya akan mendapatkan pula
keputusan sama ada perlu diben-
tuk jawatankuasa tertentu.

"Mungkin kita bakal ada jawa-
tankuasa khas atau pun secara
ad-hoc dan ini juga respon terha-
dap kenyataan Perdana Menteri
mengenai kes tanah Semantan
Estate," katanya pada pemberita
di sini semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri
Perhimpunan Bulan Ogos 2024
dan kemudian meninjau Jualan
Rahmah peringkat Bahagian Hal



AZALINA

Ehwal Undang-Undang (BHEUU).

Pada 5 Ogos lalu, Yang Diper-
tua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari

Abdul mengesahkan ada me-
manggil ketua setiausaha setiap
kementerian bagi menilai balik
akta yang tidak sesuai.

Azalina menambah, seba-
hagian besar undang-undang
lapuk itu digubal sebelum era
kemerdekaan pada 1940-an yang
ada langsung tidak lagi boleh di-
pakai.

Justeru ujarnya, pihak BHEUU
akan menyenaraikan kesemua
akta lama tersebut untuk dinilai
Kabinet kerana ia merentasi pel-
bagai agensi, kerajaan pusat, ne-
geri dan tempatan.

"Ada masih relevan tetapi
pada saya, tanggungjawab refor-

masi undang-undang memang
kena tengok situasi semasa dan
ini perlu kepada kajian yang amat
terperinci.

"Langkah berkenaan bukan
sahaja dipikul oleh Jabatan Pe-
guam Negara, malahan badan ke-
hakiman dan fakulti undang-un-
dang di universiti tempatan juga
wajar untuk dilibatkan sekali,"
katanya.

Sementara itu, ketika ditanya
tempoh semua undang-undang
lapuk itu diselesaikan, Azalina
berkata, perkara itu memakan
masa kerana perlu dibawa kepa-
da Parlimen untuk pindaan atau
pemansuhan.

KOSMO

13 AUG 2024

tarikh:

Kerjasama pemain industri perkukuh ekosistem digital



GOBIND (kanan) pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani MoU antara Axiata, MDEC dan CyberSecurity di Petaling Jaya semalam.

PETALING JAYA – Kementerian Digital mengalu-alukan para pemain industri dan pakar bidang digital untuk bekerjasama dalam membentuk satu ekosistem digital negara yang kukuh.

Menterinya, Gobind Singh Deo berkata, kerjasama berkenaan mampu merealisasikan hasrat kerajaan dalam memastikan platform digital yang disediakan kepada rakyat selamat digunakan.

"Penglibatan pemain-pemain industri yang ada kepakaran mampu memperkukuhkan sistem-sistem digital negara.

"Kita boleh duduk bersama dan kaji dasar-dasar dan polisi-polisi yang perlu diwujudkan bagi memastikan hasrat berkenaan

tercapai," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Axiata Group Berhad bersama CyberSecurity dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), di sini semalam.

Menerusi MoU itu, ketiga-tiga pihak bersetuju mempromosikan transformasi digital, inovasi dalam keselamatan siber dan perkongsian sumber untuk mengenal pasti ancaman siber selain bekerjasama dalam pembangunan norma serta piawaian antarabangsa.

Katanya, selain memperkayakan industri, kerjasama sedemikian juga membolehkan

kerajaan mengatasi masalah berkaitan platform digital seperti kes penipuan online.

Ujarnya, ia susulan kes penipuan dalam talian sejak 2021 sehingga April tahun ini membabitkan kerugian RM3.18 bilion.

"Ia melibatkan mangsa seramai 95,800 orang. Ini laporan yang kita terima dan saya percaya, ramai lagi yang menjadi mangsa tetapi tidak membuat laporan.

"Jadi, ia keperluan untuk pasukan negara bergerak ke era yang bersedia secara keseluruhan dengan menjadi sebahagian daripada ekosistem bagi memastikan platform digital yang kita sediakan sentiasa selamat digunakan," jelasnya.

KOSMO

tarikh:13 AUG 2024

Berita baik menanti kakitangan kerajaan Jumaat ini

Putrajaya: Berita baik menanti kira-kira 1.6 juta penjawat awam pada perhimpunan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19, Jumaat ini.

Perkara itu dimaklumkan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar berhubung pengumuman perhimpunan berkenaan.

Biarpun tidak mendedahkan inti pati majlis amanat itu, namun ia dipercayai berkaitan pelarasan gaji penjawat awam yang akan diumumkan serentak dengan pelancaran Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

"Tak boleh bocor rahsia, insya-Allah berita baik untuk penjawat awam," katanya selepas mengimbas kad perakam waktu pada hari pertama memulakan tugas sebagai KSN di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil sebelum ini memaklumkan penjawat awam dijangka menikmati kenaikan gaji melalui SSPA antara 15 hingga 42.7 peratus dengan mekanisme mengenainya akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada hari pengumuman MAPPA ke-19 nanti.



Kakitangan awam dijangka menikmati kenaikan gaji melalui SSPA antara 15 hingga 42.7 peratus.

(Foto hiasan)

BERITA HARIAN
Tarikh.....1.3.AUG.2024.....

Pastikan kenaikan gaji penjawat awam berdaya tahan

13/8 BH

Oleh Dr Azura Abdul Rahman
dan Nurul Afiah Ahmad
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Jabatan
Pengurusan dan
Perniagaan
UFTM Kampus
Seri Iskandar

Minggu ini penjawat awam boleh menyemak kadar baharu gaji yang bakal dilaksanakan Disember depan sejajar dengan pelarasan gaji menerusi Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Hakikatnya pengumuman kerajaan itu sudah dinantikan untuk mengiktiraf kerja keras dan dedikasi kakitangan sektor awam sambil menetapkan pentas untuk peningkatan prestasi dan pertumbuhan masa depan.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Datuk Mohd Shaiful Ibrahim menegaskan perincian mekanisme pelarasan gaji itu akan diumumkan Perdana Menteri pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-19, Jumaat ini.

Kerajaan meluluskan kenaikan gaji purata 15 peratus hingga 47 peratus berbeza-beza mengikut gred dan jabatan. Kenaikan gaji penjawat awam ini yang tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam tanah air.

Melalui sistem SSPA baharu, kerajaan akan memastikan pendapatan minimum penjawat awam,

termasuk gaji dan elaun tetap, akan melebihi kadar RM2,000 sebulan, berbanding pendapatan minimum semasa RM1,795 sebulan.

Kenaikan gaji dijangka meningkatkan moral dalam kalangan penjawat awam, membawa kepada peningkatan kepuasan kerja dan produktiviti. Dengan memberikan pengiktirafan kewangan, kerajaan berharap dapat memberikan motivasi kepada kakitangan agar memberikan prestasi terbaik, seterusnya meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Kenaikan gaji ini adalah langkah sangat diperlukan untuk mengiktiraf usaha penjawat awam selama ini yang akan membawa kepada tenaga kerja lebih bermotivasi dan berdedikasi.

Selain itu, kenaikan gaji dijangka dapat memperbaiki taraf hidup secara umum. Ini membolehkan kakitangan awam memperoleh lebih banyak sumber kewangan untuk memenuhi keperluan harian, pendidikan dan kesihatan.

Ia boleh membantu mengurangkan tekanan kewangan dialami mereka. Kenaikan gaji juga dapat mengurangkan stres berkaitan masalah kewangan, sekali gus membolehkan mereka memberi tumpuan lebih kepada prestasi kerja dan mengurangkan ketidakhadiran akibat tekanan kewangan.

Langkah meningkatkan gaji penjawat awam juga boleh meningkatkan reputasi Kerajaan MADANI

sebagai majikan prihatin dan adil, sekali gus meningkatkan kepercayaan awam terhadap kerajaan.

Walaupun kenaikan gaji adalah perkembangan positif, ia juga menimbulkan cabaran tertentu. Kerajaan mesti memastikan kenaikan ini berdaya tahan dan tidak menyebabkan kekangan belanja.

Kenaikan gaji adalah sebahagian strategi lebih luas untuk menarik dan mengekalkan prestasi, secara tidak langsung menjadikan penjawat awam lebih bertanggungjawab memberikan perkhidmatan berkualiti.

Kenaikan gaji untuk penjawat awam menandakan langkah penting ke arah mengiktiraf sumbangan tidak ternilai kakitangan sektor awam. Ketika kerajaan terus melabur dalam tenaga kerjanya, adalah penting untuk mencapai keseimbangan antara memberi ganjaran kepada kakitangan dengan memastikan tanggungjawab fiskal.

Dengan fokus pada prestasi dan akauntabiliti, inisiatif ini menjanjikan masa depan lebih cerah untuk penjawat awam dan komuniti yang mereka berkhidmat.

Kenaikan gaji ini mewakili detik penting untuk penjawat awam, menandakan era baru pengiktirafan dan jangkaan prestasi.

Ketika kerajaan melaksanakan perubahan ini, fokus kekal pada membina sektor awam lebih cekap, bermotivasi dan bertanggungjawab.

BERITA HARIAN
Tarikh.....1.3.AUG.2024.....



Shamsul Azri bersalaman dengan kakitangan JPM pada hari pertama memulakan tugas KSN di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

KSN baharu mahu penjawat awam perkasa tatakelola

13/8 04

**Shamsul Azri
jadikan agenda
penting kemudi
perkhidmatan**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar mengingatkan semua penjawat awam supaya memperkasakan tatakelola dalam perkhidmatan seperti ditagaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bekas Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) itu yang memulakan tugas KSN ke-16 semalam, menegaskan tatakelola juga menjadi agenda penting sepanjang beliau mengemudi perkhidmatan awam.

Selain itu, tegas Shamsul Azri yang dilantik menggantikan Tan Sri Mohd Zuki Ali yang tamat kontrak perkhidmatannya Sabtu lalu, penjawat awam sebagai jentera kerajaan perlu taat dan menjadi benteng kepada negara.

"Saya yakin dengan jentera kerajaan yang ada, kita dapat memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Insya-Allah dengan kepemimpinan Perdana Menteri, saya yakin beliau mampu bawa Malaysia ke arah lebih cemerlang.

"Namun, penjawat awam mesti taat setia kepada kerajaan kerana penjawat awam adalah benteng negara. Seperti ditekankan

oleh Perdana Menteri, tatakelola adalah amat penting.

"Itu menjadi satu daripada agenda penting saya dalam menadbir," katanya kepada pemberita selepas mengimbas kad perakam waktu pada hari pertama memulakan tugas KSN di Bangunan Perdana Putra, di sini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Bersama bangun negara

Shamsul Azri, 55, turut mengajak semua penjawat awam bekerja bersamanya demi rakyat dan membangunkan negara tercinta.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Pentadbiran Perniagaan) dari Universiti Tulsa Oklahoma di Amerika Syarikat (AS), turut menerima pendedahan dengan beberapa institusi antarabangsa.

Antara institusi berkenaan adalah Universiti Cambridge di United Kingdom dan European Institute of Business Administration (INSEAD).

Shamsul Azri yang mempunyai pengalaman selama 30 tahun dalam perkhidmatan awam, pernah bertugas di Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pentadbiran kerajaan negeri.

BERITA HARIAN
Tarikh... 13 AUG 2024

Kerajaan rangka gubal dasar teknologi kuantum

Inisiatif kerajaan untuk perkukuhkan lagi data peribadi hadapi cabaran teknologi baharu

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Petaling Jaya: Kementerian Digital sedang merangka pengubalan dasar teknologi kuantum atau pengkomputeran kuantum bagi mengukuhkan lagi perlindungan data peribadi di Malaysia.

Menteri, Gobind Singh Deo, berkata kementerian menjangka dapat membentangkan hasil rangka dasar itu menjelang akhir tahun ini bagi membolehkan negara mendepani cabaran teknologi baharu.

"Kementerian sedang melihat cara kita boleh pastikan ada perlindungan untuk data peribadi. Kita juga melihat untuk tambah baik struktur dan ini juga boleh disediakan untuk teknologi baharu yang bergerak ke hadapan," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Terdahulu beliau menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) keselamatan siber dan meningkatkan ketahanan digital negara di antara Axiata Group Berhad (Axiata) dengan CyberSecurity Malaysia (CSM) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Teknologi pengkomputeran kuantum adalah teknologi masa



Gobind (dua dari kiri) pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) keselamatan siber dan meningkatkan ketahanan digital negara antara Axiata dengan MDEC dan CSM di Petaling Jaya, semalam.
(Foto Amirudin Sahib/BH)

depan yang dijangka menggantikan sistem komputer sedia ada, malah lebih maju daripada superkomputer.

Ia juga mempunyai tahap kecerdasan lebih pantas dan mampu menyelesaikan masalah kompleks dengan lebih cekap kerana menggunakan bit kuantum (qubit) untuk memproses dan memanipulasi maklumat.

Teknologi itu mampu mengendalikan penyulitan data kurang lima minit berbanding komputer biasa yang mengambil masa bertahun, sekali gus menjadi cabaran baharu bagi sektor keselamatan siber negara.

Gobind berkata, Kementerian Digital juga sedang melihat data secara holistik untuk meningkatkan daya tahan infrastruktur siber, sekali gus menyediakan negara untuk menghadapi cabaran teknologi baharu itu.

"Ketika ini, usaha sedang di-

laksanakan ke arah itu. Saya harap kita akan tampil dengan sesuatu (dasar baharu) menjelang akhir tahun ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau menjelaskan, pindaan Akta Data Peribadi (PDPA) 2010 pada Jun lalu masih belum dikuatkuasakan berikutan mempunyai empat set peraturan yang perlu diluluskan Jabatan Peguam Negara (AGC).

"Saya diberitahu, tiga daripada empat set itu diluluskan dan harap yang terakhir akan diluluskan sebelum dijangka dapat dikuatkuasakan hujung bulan ini. Apabila dikuatkuasakan, barulah saya boleh jelaskan apakah keperluan (undang-undang) itu," katanya.

Manfaat digitalisasi

Sementara itu, MoU dimeterai semalam menyaksikan kerjasama awam-swasta antara Axiata,

MDEC dan CSM yang akan bertindak sebagai pemudah cara utama bagi memanfaatkan digitalisasi di Malaysia.

Ketiga-tiga entiti itu juga bersejua untuk mempromosi transformasi digital, inovasi dalam keselamatan siber dan perkongsian sumber untuk mengenal pasti ancaman siber, selain bekerjasama mempromosi pembangunan norma dan piawaian antarabangsa dalam aspek itu.

Kerjasama keselamatan siber merangkumi objektif untuk membina ekosistem teknologi digital yang mampan, selamat dan tahan lasak dalam memajukan aspirasi Digital Malaysia.

Dalam pada itu, Pusat Fusion Siber Axiata (ACFC) dilengkapi keupayaan pertahanan dan serangan aktif bagi memastikan langkah keselamatan siber yang kukuh, proaktif dan pencegahan.

Lebih 3,000 undang-undang lapuk perlu dikaji semula

Putrajaya: Lebih 3,000 undang-undang lapuk perlu dikaji semula bagi memastikan ia kekal relevan dengan peredaran masa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata terdapat undang-undang di negara ini yang dirangka sebelum zaman kemerdekaan dan kini dilihat tidak lagi menepati keperluan masa kini.

"Contohnya dalam isu dunia digital, undang-undang yang ada sekarang mungkin tidak boleh lagi terpakai atau perlu dipinda supaya sesuai dengan situasi yang ada," katanya selepas meng-

hadiri Perhimpunan Bulanan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), di sini, semalam.

Media baru-baru ini melaporkan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul sudah memanggil Ketua Setiausaha dan penasihat undang-undang setiap kementerian melihat semula akta sedia ada yang mungkin tidak sesuai pada masa ini.

Langkah itu, katanya, perlu untuk membincangkan undang-undang yang tidak lagi relevan atau sesuai dengan era digital dan perlu ditambah baik supaya seiring dengan peredaran masa.

Azalina berkata, pihaknya

akan menyenaraikan lebih 3,000 undang-undang yang dianggap lapuk untuk perhatian Perdana Menteri sebelum mengambil tindakan lanjut.

"Mungkin kita perlu menyediakan kertas ke Jemaah Menteri, senaraikan undang-undang (lapuk) ini dan mencadangkan penubuhan jawatankuasa Kabinet khas untuk menilai, kerana undang-undang ini membabitkan semua agensi, termasuk kerajaan negeri, Kerajaan Pusat dan kerajaan tempatan," katanya.

Azalina berkata, kajian mengenai undang-undang lapuk itu perlu membabitkan pelbagai pihak berkepentingan, terma-

“Contohnya dalam isu dunia digital, undang-undang yang ada sekarang mungkin tidak boleh lagi terpakai atau perlu dipinda supaya sesuai dengan situasi yang ada”

Azalina Othman Said,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri
(Undang-Undang
dan Reformasi
Institusi)



suk Jabatan Peguam Negara, badan kehakiman dan universiti yang mempunyai fakulti undang-undang dan kepakaran untuk menilai. BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh... 13 AUG 2024

Penjawat awam tidak sabar tunggu Jumaat

13/8 Utusan

PUTRAJAYA: Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baharu, Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar memberi bayangan berita baik menanti 1.6 juta penjawat awam pada Jumaat ini.

Bagaimanapun, beliau tidak mahu mendedahkan apakah berita baik itu yang tentunya berhubung kenaikan gaji menerusi kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

"Tak boleh bocor rahsia, insya-Allah berita baik untuk penjawat awam," katanya ketika ditemui selepas mengimbas kad perakam waktu bagi memulakan tugas sebagai KSN ke-16 di bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Jumaat ini, dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA), Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka mengumumkan kadar kenaikan



SHAMSUL Azri Abu Bakar (kiri) mengimbas kad perakam waktu bagi memulakan tugas sebagai Ketua Setiausaha Negara di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - **UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

gaji penjawat awam, sekali gus membolehkan anggaran kenaikan dikira.

MAPPA menjadi acara tahunan yang dinanti-nantikan oleh penjawat awam sejak tahun 2000

sebagai salah satu platform untuk mereka menghayati aspirasi dan hasrat pucuk kepimpinan tertinggi negara melalui amanat yang disampaikan oleh Perdana Menteri.

Sebelum ini, kerajaan memaklumkan kumpulan penjawat awam bakal mendapat berita gembira berhubung kenaikan gaji akan diumumkan pada MAPPA kali ke-19 yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC).

Setiap penjawat awam akan mendapat gambaran secara umum peningkatan gaji masing-masing yang dijangka antara 15 hingga 42.7 peratus.

Peningkatan kadar gaji baharu bagi kumpulan pelaksana adalah paling tinggi manakala, bagi kumpulan penjawat awam seperti Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah pula adalah lebih sederhana.

UTUSAN MALAYSIA
13 AUG 2024
Tarikh:

Lebih 3,000 undang-undang lapuk bakal dinilai semula

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan bersedia melakukan usaha penilaian semula ke atas lebih 3,000 undang-undang lapuk yang didapati sudah tidak lagi relevan dengan keadaan semasa.

Malahan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said akan membawa isu itu kepada Kabinet minggu depan.

"Saya belum lagi bentang dalam mesyuarat jemaah menteri, namun insya Allah dalam minggu depan, perkara tersebut akan diketengahkan," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Bulan Ogos 2024 dan kemudian meninjau Jualan Rahmah peringkat Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), di sini semalam.

Pada 5 Ogos lalu, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul mengesahkan ada memanggil ketua setiausaha setiap kementerian bagi menilai balik akta yang tidak sesuai.

Mengulas lanjut, Azalina berkata, setelah dibentang kepada Kabinet dalam masa terdekat, beliau akan mendapatkan pula keputusan sama ada perlu dibentuk jawatankuasa tertentu.

"Mungkin kita bakal ada jawatankuasa khas atau pun secara ad-hoc dan ini juga respons terhadap kenyataan oleh Perdana Menteri mengenai kes tanah Semantan Estate," jelasnya.

Beliau merujuk maklum balas Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat lalu yang mahu agar semakin undang-undang dibuat semula bagi mengelak implikasi buruk kepada negara.



AZALINA OTHMAN SAID

Pihak BHEUU akan menyenaraikan kesemua akta lama tersebut untuk dinilai Kabinet kerana ia merentasi pelbagai agensi, kerajaan pusat, negeri dan tempatan."

Menyentuh perkara itu, Azalina menambah, sebahagian besar undang-undang lapuk itu digubal sebelum era kemerdekaan pada 1940-an yang ada langsung tidak lagi boleh dipakai.

Justeru ujarinya, pihak BHEUU akan menyenaraikan kesemua akta lama tersebut untuk dinilai Kabinet kerana ia merentasi pelbagai agensi, kerajaan pusat, negeri dan tempatan.

"Ada masih relevan tetapi pada saya, tanggungjawab reformasi undang-undang memang kena tengok situasi semasa dan ini perlu kepada kajian yang amat terperinci," jelasnya.

Langkah berkenaan tegasnya, bukan sahaja dipikul Jabatan Peguam Negara, malah badan kehakiman dan fakulti undang-undang di universiti tempatan juga wajar dilibatkan.

Ditanya tempoh semua undang-undang lapuk itu diselekaikan, Azalina berkata, perkara itu memakan masa kerana perlu dibawa kepada Parlimen untuk pindaan atau pemansuhan.

Beliau pada masa sama

mengingatkan masyarakat bahawa jika undang-undang lapuk itu tidak diteliti balik, dibimbangi ada masih merujuknya tanpa mengikut suasa-sana sekarang.

Sehubungan itu, dalam usaha mempercepatkan lagi proses tersebut, beliau tidak menolak kemungkinan ada akta lama itu dinilai mengikut tema kepentingan atau en-bloc tertentu.

Dalam pada itu, Azalina menjelaskan, sebarang pengubalan undang-undang baharu selepas ini bakal melalui proses tinjauan awam ala bancian dan menerima maklum balas rakyat demi memberi pemahaman awal kepada masyarakat.

Katanya, amalan pada masa ini menyaksikan undang-undang diwujudkan tanpa mengambil kira suara rakyat, malah mencetuskan salah faham apabila dikuatkuasakan.

"Contoh terdekat ialah pendaftaran platform media sosial apabila ramai terkeliru sangka kerajaan mengawal pengguna siber walhal realitinya bukan sedemikian," tegasnya.

Usaha ini juga katanya, selaras dengan pelancaran Penilaian Garisan Asas Kebangsaan untuk Pelan Tindakan Nasional bagi Bisnes dan Hak Asasi Manusia oleh bahagian itu.

"Kita mahu setiap undang-undang baharu yang diwujudkan kelak memberi kesejahteraan kepada rakyat dan dapat kekalkan kemakmuran kepada ekonomi negara," katanya.

Azalina berkata, BHEUU berhasrat Belanjawan 2025 memberi tumpuan kepada pendigitalan sistem perundangan negara, malah menjadi fokus pentadbirannya tahun depan dengan memanfaatkan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI).

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: ...13 AUG...2024...

Selangor anjur Karnival Kerjaya sehingga akhir tahun ini

KUALA LANGAT: Sekurang-kurangnya seramai 32 orang ditawarkan pekerjaan, sementara 317 pula dipanggil untuk menghadiri temuduga peringkat kedua daripada keseluruhan 387 individu yang menghadiri Program Karnival Kerjaya Jobcare di Jugra, baru-baru ini.

Exco Sumber Manusia dan Pembasmian Kemiskinan, Papparaidu Veraman dalam satu kenyataan berkata, sebanyak

menyertai program tersebut untuk menawarkan pekerjaan menerusi kekosongan 4,627 jawatan terkini.

"Juga terdapat sesi temuduga kerja yang dijalankan sepanjang hari. Orang ramai digalakkan untuk membawa salinan resume mereka dan bersedia untuk temuduga segera.

"Kerajaan Negeri Selangor amat berbesar hati dengan sambutan hangat daripada masyarakat bagi program yang

TARIKH	TEMPAT	DAERAH
17 Ogos	Dewan Perbandaran MPAJ	Hulu Langat
21 September	Dewan Beringin Taman Sri Gombak	Gombak
5 Oktober	Dewan Hamzah Klang	Klang
19 Oktober	Dewan Dato' Penggawa Permatang	Kuala Selangor
16 November	Dewan Komuniti B. Baru Salak Tinggi	Sepang
14 Disember	Dewan Tun Razak	Sabak Bernam

sedang berlangsung ini," katanya.

Tambahnya, program itu

merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan negeri anjuran Unit Pem-

berdayaan Pekerja Selangor (UPPS) bersama Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso) untuk menyokong pencari kerja dan mempromosikan peluang pekerjaan dalam kalangan warga Selangor.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru warga Selangor yang mencari pekerjaan untuk menghadiri Program Karnival Kerjaya Jobcare yang akan berlangsung di seluruh negeri sehingga akhir tahun ini.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 13 AUG 2024

'GOOD NEWS FOR CIVIL SERVANTS' ON FRIDAY

Newly appointed chief secretary to the government coy about details

FUAD NIZAM
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

JOY awaits the country's 1.6 million civil servants at the 19th Civil Service Premier Assembly (Mappa) this Friday.

New Chief Secretary to the Government Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar, however, declined to reveal the details when saying this yesterday.

"Cannot leak it (the news), *InshaAllah* (God willing), there will be good news for all civil servants. The news will bring joy to all," he told reporters after clocking in as the 16th chief secretary to the government at Perdana Putra.

Also present was Public Service Department director-general Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Shamsul's appointment as the new chief secretary was announced by the Prime Minister's Office on Aug 7. He takes over from Tan Sri Mohd Zuki Ali, who retired on Saturday.

It was reported that Anwar would announce the specifics of

the salary adjustment mechanism at Mappa, where civil servants will be able to check and calculate their salary hike rates under the Public Service Remuneration System (SSPA) following the government's adjustment initiative.

Last week, Communications Minister Fahmi Fadzil said civil servants in the "implementing group" were expected to see salary increases of up to 42.7 per cent through SSPA.

He said detailed information on the salary adjustments would be made available on Friday.

During the Labour Day celebration on May 1, Anwar announced a more than 13 per cent increase in civil servants' salaries, among the highest in Malaysia's history.

The increase will be effective Dec 1, this year.

Meanwhile, Shamsul Azri emphasised the utmost significance of governance in the civil service after clocking in at 8.54am.

"As emphasised by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who places great importance on governance, it will be one of my key agendas in helm-

ing this position.

"Civil servants must remain loyal to the government and serve as a stronghold for the nation."

He also called for all civil servants to work together for the betterment of the country and its people.

"On this occasion, I earnestly appeal and request everyone to work with me to develop our beloved country for the people and the nation."

"I am confident that with the current government machinery, we can provide excellent services to the people under the leadership of the prime minister. I am confident in his leadership, which can steer Malaysia towards greater success."

Shamsul Azri had previously served as the director-general of the Public-Private Partnership Unit, before which he had been in various positions in the Finance Ministry, the Public Service Department, and state government administrations.

He holds a Bachelor's Degree in Business Administration from the University of Tulsa, Oklahoma, and received exposure from several international institutions, including the University of Cambridge in the United Kingdom, and the European Institute of Business Administration.



Chief Secretary to the Government Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar clocking in at Perdana Putra yesterday. With him is Public Service Department director-general Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz (right). PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

New women's academy on ministry's 2025 Budget wish list ^{12/8}

KUALA LUMPUR: The Women, Family and Community Development Ministry has put forward a proposal that will elevate women's economic empowerment as part of its 2025 Budget wish list.

Its minister, Datuk Seri Nancy Shukri, yesterday said the proposal was for a new women's academy, aimed at being a hub providing women with resources, training and support to boost their financial independence.

She said it would also offer a dedicated space for women entrepreneurs to thrive and contribute to their families and communities.

"This academy will be a cornerstone in our efforts to uplift women economically. We want to create a central place where women can access everything they need to advance economically and support their families," she said after the launch of the Strivers' Hub website.

She said the academy would not only focus on educational programmes, but would also function as a support system for women entrepreneurs.

The goal is to create a one-stop centre where women can seek assistance and resources to become

 *We aim for women to become more independent and serve as role models for their children.*

DATUK SERI NANCY SHUKRI

Women, Family and Community Development Minister

economically independent.

Nancy said the ministry was committed to working with other government agencies to boost women's economic participation.

"We aim for women to become more independent and serve as role models for their children.

"This is why we are prioritising economic empowerment and collaborating with other ministries on this initiative."

The success of the women's academy depends on approval from the Finance Ministry, with details expected to be finalised in the 2025 Budget discussions.

Nancy expressed optimism about the potential impact of the academy and the need for a fresh approach to women's economic empowerment in the ministry.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 13 AUG 2024